



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT FOKUS 'SUARA HATI' PELANGGAN MENERUSI KEMPEN RAMADAN RAYA 2026

KUALA LUMPUR, 11 FEBRUARI 2026 – Menjelang sambutan Ramadan dan Syawal pada tahun ini, Bank Rakyat menjadikan **harapan, keperluan dan aspirasi** pelanggan serta masyarakat sebagai agenda dan fokus utama bank berkenaan dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan.

Ketika berucap semasa **Majlis Pelancaran Kempen Ramadan Raya 2026**, **Ketua Pegawai Kewangan Bank Rakyat, Nor Haimee Zakaria** berkata, dalam realiti kehidupan hari ini, Bank Rakyat memahami bahawa masyarakat bukan sekadar mencari kemudahan dan kestabilan kewangan, tetapi mereka juga ingin didengari dan merasai erti kebersamaan. Berpaksikan nilai-nilai inilah, Bank Rakyat memperkenalkan Kempen Ramadan Raya 2026 bertemakan **Suara Hati**.

Kempen Suara Hati akan berlangsung dari **19 Februari hingga 30 April 2026** terbuka untuk pelanggan yang melanggan produk Pembiayaan Peribadi-i, Kenderaan-i, Perumahan-i dan Pajak Gadai-i dengan menawarkan jumlah hadiah dan ganjaran keseluruhan bernilai lebih **RM300,000**. Antara tarikan utama ialah hadiah kereta bernilai sehingga **RM200,000**, yang mana pemenang diberi kebebasan untuk memilih sendiri kereta impian mereka, satu pendekatan yang jarang diperkenalkan dan mencerminkan usaha Bank Rakyat untuk menawarkan sesuatu yang berbeza dan lebih bermakna.

Selain itu, pelanggan turut berpeluang memenangi hadiah berupa **50 gram, 30 gram dan 20 gram emas** dengan nilai anggaran keseluruhan **RM70,000**, pakej peralatan elektrik rumah bernilai keseluruhan **RM10,000** serta hadiah **sagu hati wang tunai kepada 65 orang pelanggan yang akan dikreditkan ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus**.

Bagi membantu pelanggan mengurus keperluan harian sepanjang Ramadan dan Syawal, pelbagai rebat turut ditawarkan melalui Kad Kredit-i Bank Rakyat, termasuk rebat petrol **5%**, rebat runcit **3%**, rebat pembelian emas **1%** serta rebat pembelian pakaian sehingga **5%**.

Selari dengan konsep Suara Hati, Bank Rakyat turut memperluaskan impak kempen ini melalui pelbagai inisiatif Jangkauan Komuniti sepanjang Ramadan dan Syawal. Antaranya termasuk **Program Kampung Angkat MADANI di Permatang Ara, Pulau Pinang dan Program Kampung Kita di Kampung Kong Kong Laut, Johor** yang melibatkan aktiviti gotong-royong, agihan bubur lambuk serta bantuan kewangan bernilai keseluruhan **RM60,000** kepada keluarga asnaf, selain pengisian Ramadan seperti program tazkirah, berbuka puasa dan solat berjemaah bersama komuniti setempat.

Menerusi **Program Ijarah Ramadan**, Bank Rakyat akan menyantuni seramai **2,000** penerima daripada keluarga asnaf di seluruh negara dengan sumbangan bakul makanan asas berjumlah keseluruhan **RM200,000**. Manakala inisiatif **Sumbangan Kelengkapan Raya** pula memberi tumpuan kepada kebajikan lebih **32** anak yatim dan asnaf daripada Pusat Jagaan Kasih Murni, Taman Keramat, Kuala Lumpur agar mereka dapat menyambut Syawal dengan ceria seperti anak-anak lain.

“Melalui kesemua inisiatif ini, Bank Rakyat berharap agar keberkatan Ramadan dan Syawal dapat dikongsi bersama dan tiada komuniti yang rasa terpinggir, terutamanya golongan yang memerlukan. Suara Hati mengajar Bank Rakyat untuk memahami bukan sahaja apa yang pelanggan perlukan, malah memahami keperluan mereka dengan mendengar apa yang tersirat, bukan sekadar yang dizahirkan,” tambah **Nor Haimee**.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Suara Hati Bank Rakyat, orang ramai boleh melayari laman web rasmi www.bankrakyat.com.my dan platform media sosial rasmi @myBankRakyat.

-TAMAT-